

14/07/2002

BN tumpulkan senjata lawan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

SALAH satu masalah Umno setiap kali pilihan raya ialah masalah dalaman parti. Tidak puas hati mengenai calon ibarat duri dalam daging bagi Umno dan Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya.

Ia berlaku setiap kali pilihan raya sehingga pucuk pimpinan parti sukar membuat pilihan akibat lobi melobi di kalangan mereka yang berhasrat menjadi YB.

Perdana Menteri, Datuk Ser Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti juga seperti sudah muak dengan kerenah pemimpin yang membelakangkan kepentingan parti.

Pada perhimpunan agung Umno, baru-baru ini, Dr Mahathir sekali lagi membangkitkan perkara itu ketika wakil Kelantan, Datuk Ibrahim Ali memintanya kerap melawat negeri itu dan jika perlu menginap beberapa malam bagi membantu BN merampas semula negeri itu daripada Pas.

Masalah itu tidak terkecuali pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit. Di Pendang, calon BN Datuk Othman Abdul dikatakan bermasalah dengan Adun Sungai Tiang, Md Rodzai Shafian yang ditewaskanya pada pemilihan Umno bahagian sebelum ini.

Di Anak Bukit, Datuk Zakaria Said dikatakan tidak mendapat sokongan Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin, calon yang kalah kepada Datuk Fadzil Noor pada pilihan raya umum 1999.

Ketika itu Zakaria yang pada masa itu Ketua Umno bahagian Kuala Kedah dikatakan tidak bekerja keras dua DUN dalam Kaula Kedah, iaitu Anak Bukit dan Pengkalan Kundur terlepas kepada Pas, kecuali Kubang Rotan yang dimenangi Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang kemudian dipilih sebagai Menteri Besar .

Zakaria didakwa berbuat demikian selepas kecewa tidak terpilih mempertahankan kerusi Parlimen Kuala Kedah. Kawasan itu dimenangi oleh Mohamad Sabu dari Pas walaupun Fadzil pernah beberapa kali mencuba di situ tetapi gagal. Bagaimanapun, selepas pilihan raya umum itu, Zakaria menafikan dakwaan berkenaan.

Semua senario itu kini menjadi modal pembangkang untuk melaga-lagakan calon BN dengan harapan pengundi, khususnya penyokong Umno dan pemimpin terbabit menyokong Pas.

Naib Ketua Pemuda Keadilan, Saifuddin Nasution Ismail secara `bijak' cuba mempengaruhi pengundi mengenai isu berkenaan malam semalam.

Adun Lunas itu, mendakwa wujud perpecahan di kalangan penyokong Umno kerana Abdullah Hasnan dan penyokongnya tidak membantu BN merampas kembali Anak Bukit dalam ceramahnya di markas Keadilan, di Taman Aman, dekat Alor Star malam tadi.

Beliau seperti mengadu domba kedua-dua mereka sambil `mengingatkan' pengundi, khususnya penyokong Abdullah mengenai punca kekalahan pemimpin mereka pada 1999.

Bagaimanapun, seawal pagi keesokannya, BN tampil menafikannya menerusi persidangan akhbar dengan `mempertemukan' Zakaria dan Abdullah Hasnan. Mereka meminta pengundi tidak terpengaruh dengan taktik dan pembohongan pembangkang yang mendakwa mereka `tidak sebulu'.

"Ini bukan isu, malah Abdullah ada bersama ketika penamaan calon. Kami yakin dapat bersama-sama membantu menawan semula Anak Bukit," kata Zakaria.

Abdullah Hasnan pula berpendapat parti pembangkang ketiadaan isu dan terpaksa mengambil kesempatan ketiadaannya pada majlis yang dihadiri

Zakaria untuk melaga-lagakan penyokong BN.

"Politik memang bergantung kepada isu tapi dakwaan kononnya kami ada salah faham tidak benar," katanya.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob menjelaskan bahawa perjumpaan itu penting kerana ramai pengundi dan pemimpin peringkat cawangan tertanya-tanya mengenai khabar angin itu.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Mohd Taib pula berkata, sekarang, semua dapat lihat mereka berada bersama dan percaya, Abdullah dan Zakaria akan tampil bersama walaupun bukan pada semua majlis sebelum hari pengundian Khamis ini.

Bagaimanapun, kemunculan bersama Zakaria dan Abdullah Hasnan dan disiarkan media tidak memadai bagi BN untuk meyakinkan pengundi kerana seperti kelaziman pembangkang akan mendakwa ia adalah `wayang`.

Ia terbukti apabila Saifuddin yang ditemui petang semalam mendakwa ia adalah sandirawa Umno kerana kononnya semua pihak mengetahui `masalah` kedua-dua pemimpin itu.

Justeru, memanggil sidang akhbar, menyiarkannya di media massa, termasuk televisyen serta visual Zakaria dan Abdullah Hasnan berpelukan belum tentu akan `membunuh` isu berkenaan.

Masih banyak yang perlu dilakukan oleh petugas kanan BN untuk merampas semula Anak Bukit. Pengajarannya juga amat besar, iaitu sikap tamak, kepentingan diri dan dendam perlu dihindari jika mahu parti mereka menang pada pilihan raya umum akan datang.